


KEMENTERIAN EKONOMI




Pengenalan Kepada Dasar & Inisiatif Baru

8 Disember 2023



Rancangan Kementerian Ekonomi bertujuan untuk mencapai tiga matlamat utama



INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT

Membasmi kemiskinan tegar

CABARAN

18,455 isi rumah miskin tegar tanpa alternatif yang sesuai dengan pendapatan **<RM 1,198 sebulan** untuk keperluan asas termasuk makanan, sewa rumah, pangangkutan dan utiliti

PENYELESAIAN

IPR adalah satu inisiatif dengan tiga program rintis iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN) yang bertujuan menangani kos sara hidup yang meningkat, kadar import makanan yang tinggi serta kebergantungan kepada pekerja asing.

INTAN adalah pendekatan lengkap untuk mengurangkan kemiskinan melalui pemberdayaan, bertumpukan kepada pemodenan pertanian dan penggalakkan pertanian pintar.

INSAN bertujuan untuk membuka peluang keusahawanan untuk golongan miskin tegar. Dengan adanya mesin jualan automatik di lokasi-lokasi strategik yang dibiayai oleh pihak kerajaan, para peserta B40 dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan lebih cepat dan mudah.

IKHSAN memberi tumpuan untuk membantu peserta B40, dengan memberikan mereka peluang untuk menjana pendapatan daripada aktiviti penyelenggaraan utiliti kemudahan awam

CIRI-CIRI UTAMA

BANTUAN ASAS DIKEKALKAN

Skim Tunai Rahmah (STR) memastikan rumah tangga yang rentan terus dibantu

SOKONGAN KOMPREHENSIF

IPR menyediakan sistem dan infrastruktur lengkap bagi isi rumah yang rentan untuk menjana pendapatan

KEMAHIRAN KEMANDIRIAN

Memberdayakan golongan miskin tegar dengan kemahiran baru untuk membina pendapatan yang mampan

ASPIRASI

2,000

Peserta yang disokong pada tahun 2023

>RM2,500

Pendapatan purata oleh peserta program ini

5,000 ekar

Sasaran untuk ditanam (INTAN)

Kemiskinan tegar dinoktahkan

PENCAPAIAN

Pencapaian setakat ini

- Fasa 1 INTAN @ PJ City Food Valley Project dilancarkan, melibatkan 10 ekar ladang cili untuk 20 peserta
- INSAN dilancarkan dengan penyertaan sebanyak 100 mesin layan diri pertama

Pelan tempoh 12 bulan akan datang

- Lanjutan pelaksanaan Projek INTAN @ PJ City Food Valley melibatkan keluasan 30 ekar dan 120 peserta
- INTAN dijangka memberi faedah kepada 240 peserta menjelang tahun 2025
- INSAN dijangka memberi faedah kepada 240 peserta menjelang tahun 2025

DASAR GAJI PROGRESIF

Meningkatkan gaji pekerja dan produktiviti

CABARAN

Pekerja-pekerja di Malaysia telah lama dibelenggu dengan isu berkaitan gaji yang rendah dan tidak setimpal dengan produktiviti. Lebih 2 juta rakyat Malaysia dalam sektor formal bergaji **kurang daripada RM 2,000**

PENYELESAIAN

Dasar Gaji Progresif adalah dasar yang **bersifat sukarela, berteraskan insentif** dan **berlandaskan produktiviti**. Matlamat dasar ini adalah untuk mengatasi masalah gaji pekerja yang rendah dan tidak berganjak bertahun-tahun dengan membantu pekerja untuk mempertingkatkan kemahiran diri. Dasar dan garis panduan mengamanahkan kepada majikan untuk memberi ganjaran yang setimpal dengan produktiviti, akan juga mewujudkan pasaran buruh yang lebih saksama, seiring dan saling melengkapi dasar gaji minimum sedia ada.

CIRI-CIRI UTAMA

MENINGKATKAN PERLINDUNGAN GAJI & PEKERJA

Melindungi para pekerja melalui gaji minimum dan memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat dan selesa

PERKEMBANGAN KEMAHIRAN DAN GAJI PEKERJA

Memberi peluang kepada para pekerja untuk menaikkan kemahiran dan gaji secara sistematis

PENINGKATAN PRODUKTIVITI SYARIKAT

Meningkatkan produktiviti firma dan menaikkan gaji para pekerja ke takuk yang lebih tinggi secara serentak

ASPIRASI



RAKYAT

~4M

pekerja layak menyertai program dasar gaji progresif, mewakili 67% tenaga kerja sektor formal



PERNIAGAAN

1,000

Firma PKS dalam projek perintis pada tahun 2024



EKONOMI

RM3.3B

Jangkaan tambahan nilai KDNK

RM1.8B

Jangkaan tambahan hasil cukai pendapatan

PENCAPAIAN

Pencapaian setakat ini

- Dasar Gaji Progresif telah diluluskan di peringkat Kabinet
- Kertas putih Dasar Gaji Progresif telah diluluskan di Dewan Rakyat

Pelan tempoh 12 bulan akan datang

- Projek rintis bermula pada tahun 2024 dan melibatkan 1,000 syarikat PKS

SUBSIDI BERSASAR

Beralih dari subsidi menyeluruh untuk pembangunan Malaysia

CABARAN

>RM80B (anggaran 2023) perbelanjaan subsidi kerajaan yang memukul rata dan tidak bersasar menyebabkan **20% isi rumah yang paling berkemampuan** menikmati **53% subsidi** bahan api

PENYELESAIAN

Misi dasar subsidi bersasar adalah untuk membawa pendekatan yang lebih adil dan mampu dalam pemberian subsidi. Anjakan dasar di mana subsidi disasarkan kepada golongan yang betul-betul memerlukan bantuan boleh mengurangkan beban fiskal negara, memberi lebih ruang untuk pelaburan pembangunan dan pembiayaan program-program kebajikan sosial yang lebih bersasar.

CIRI-CIRI UTAMA

SUBSIDI BERSASAR UNTUK GOLONGAN RENTAN

Memastikan bantuan diberi kepada golongan yang memerlukannya, bukan T20

PENYALURAN DANA LEBIHAN UNTUK PEMBANGUNAN

Mengurangkan beban subsidi kerajaan dan membolehkan pelaburan untuk pembangunan negara

PENGGALAKKAN PERALIHAN KE TENAGA BERSIH

Mendorong isi rumah dan perniagaan ke arah penggunaan tenaga yang lebih cekap dan kelestarian alam sekitar

ASPIRASI

RM 6B

Penjimatan tambahan daripada pengurangan subsidi bahan api

~1/3

Penjimatan kos subsidi untuk membiayai inisiatif pembangunan Malaysia

Menggalakkan **penggunaan tenaga yang lebih cekap** dan pelaburan dalam **industri mobiliti hijau**

PENCAPAIAN

Pencapaian setakat ini

- RM4B dijimat pada separuh tahun pertama 2023 dari subsidi elektrik bersasar
- Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) 72% siap sejak Oktober 2023, dengan ujian sistem pada Nov. & Dis. 2023

Pelan tempoh 12 bulan akan datang

- Subsidi bersasar petrol RON 95 akan dilaksanakan pada tahun 2024
- 30% simpanan daripada subsidi bersasar akan digunakan untuk STR
- Verifikasi keperluan dan kelayakan setiap isi rumah dijalankan melalui PADU

PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA

Menjadi peneraju serantau dalam tenaga boleh baharu

CABARAN

Sejak era 1970-an, industri Minyak & Gas memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara. Kini, industri Minyak & Gas menyumbang sebanyak **20% kepada KDNK negara**. Sementara itu, dunia sedang melalui fasa peralihan kepada penggunaan tenaga boleh baharu. Saiz pasaran **tenaga boleh baharu global** dijangka mencapai **RM10T+** menjelang tahun 2032 dan jumlah **pekerja global** dalam sektor tersebut dijangka mencecah **38M**

PENYELESAIAN

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara menggariskan 10 projek penjana berdasarkan **enam tonggak tenaga** untuk mempercepat peralihan tenaga Malaysia. Pelan ini menyasarkan penggunaan tenaga dari sumber rendah karbon, kerjasama tenaga antarabangsa, sasaran pelepasan karbon yang lebih ketat, dan pembiayaan pelaburan hijau untuk penskalaan teknologi yang mampan



Tenaga Boleh Baharu



Hidrogen



Kecekapan Tenaga



Pemerangkapan & Penyimpanan Karbon



Biotenaga



Mobiliti Hijau

CIRI-CIRI UTAMA

ADAPTASI EKONOMI UNTUK CABARAN PERALIHAN TENAGA

Diversifikasi ekonomi, pendapatan dan pekerjaan Malaysia daripada bahan api fosil kepada industri-industri bersih yang lebih mampan

MENGELAKAN DAYA SAING MALAYSIA

Membantu persediaan syarikat-syarikat Malaysia untuk bersaing di pentas global yang semakin peka karbon

MERAIH PELUANG PERNIAGAAN BARU

Mengambil potensi perkembangan daripada peralihan tenaga untuk memanfaatkan syarikat, pekerja dan isi rumah

ASPIRASI



R A K Y A T

310K

Pekerjaan baru menjelang 2050

RM57B

Penambahan pendapatan untuk isi rumah (setara dengan RM7,000+ setiap isi rumah)

70%

Manfaat untuk isi rumah B40 & M40



P E R N I A G A A N

RM1.2-1.3T

Peluang pelaburan menjelang 2050

RM120-180B

nilai projek dengan pembiayaan bersama oleh kerajaan



E K O N O M I

RM200-210B

Sumbangan kepada KDNK menjelang tahun 2050

Membangun **kemandirian** tenaga

Menjadi industri yang teguh dan berdaya saing di **peringkat global**

PENCAPAIAN

Pencapaian setakat ini

- Pertukaran tenaga antara negara diluluskan oleh kabinet
- Pemisahan sepenuhnya 'Single Buyer' sebagai satu entiti pengurusan pembelian tenaga negara yang bebas
- TNB dan PETRONAS menandatangani MoU meneroka teknologi Pemerangkapan dan Penyimpanan Karbon
- 2 projek hidrogen telah selesai kajian kebolehlaksanaan¹
- Pengecualian cukai jalan untuk pemilik EV

Pelan tempoh 12 bulan akan datang

- Kilowatt pertama tenaga boleh baharu dieksport dari Malaysia
- Peningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu
- Rumah tangga diberdayakan untuk mengambil bahagian dalam tenaga boleh baharu
- RUU² Kecekapan dan Konservasi Tenaga diluluskan oleh Dewan Rakyat
- Fasa ujian bagi loji pembakaran biojisim bersama arang batu

KL20

Menaik taraf KL sebagai pusat ‘start-up’ serantau

CABARAN

Ekonomi Malaysia mempunyai kebergantungan yang berlebihan kepada syarikat korporat besar (GLC & MNC) yang mewakili **3% perniagaan** tetapi menyumbang **62% KDNK** dan **88% eksport**

PENYELESAIAN

KL20 adalah satu visi untuk menawarkan Kuala Lumpur sebagai destinasi ‘startup’ digital yang dinamik dan sebagai satu pusat rangkaian hubungan ‘startup’ yang aktif. Sebagai destinasi pelabur-pelabur terbaik dunia, pengasas-pengasas ‘startup unicorn’, dan ‘thought leaders’, disambut dengan sokongan daripada pemimpin-pemimpin yang progresif, Kuala Lumpur akan menjadi medan penghasilan segmen pertumbuhan ekonomi baharu untuk negara.

Tiga inisiatif yang akan datang:

HAB AI

Penaiktarafan GPU untuk teknologi AI untuk menjadikan Malaysia tumpuan utama bagi sektor AI

LALUAN LORONG HIJAU

Menarik pekerja global dengan bakat teknologi untuk memperkasa persekitaran digital

SISTEM “SINGLE-WINDOW”

Menyelaraskan sistem sokongan awam yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi ke arah pendekatan bersepudu

CIRI-CIRI UTAMA

PERANAN LEBIH BESAR UNTUK SYARIKAT PEMULA

Memantapkan peranan usahawan dan syarikat pemula sebagai enjin baru ekonomi Malaysia

KOMUNITI INOVATIF & DINAMIK

Memupuk komuniti syarikat pemula yang merangsang idea inovatif dan dinamik

PEKERJAAN BERKEMAHIRAN & PENDAPATAN TINGGI

Membuka peluang pekerjaan alternatif untuk rakyat dalam pekerjaan berkemahiran tinggi

ASPIRASI



RAKYAT

Peluang pekerjaan yang lebih baik dengan syarikat pemula dalam bidang yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi

Penambahan **dana & sokongan** untuk usahawan



PERNIAGAAN

Peluang untuk **pelaburan dan kerjasama** dengan PKS

Merintis **penyelesaian baru** dan meningkatkan **produktiviti**



EKONOMI

Mewujudkan peluang baru untuk menghasilkan **nilai sosio-ekonomi yang tinggi**

Meningkatkan **pelaburan daripada model teroka asing**

PENCAPAIAN

Pencapaian setakat ini

- Program Pemimpin Digital Eksekutif dilancarkan
- Penaiktarafan GPU untuk teknologi AI untuk menjadikan Malaysia tumpuan utama bagi sektor AI
- Program TV Innovathon dilancarkan
- Pelan diumumkan untuk portal ‘MyStartup’ sebagai tetingkap tunggal (single window) menghimpunkan dan mempermudahkan aktiviti perniagaan ‘startup’

Pelan tempoh 12 bulan akan datang

- Pelan tindakan Kuala Lumpur 20 (KL20) dijangka dilancarkan pada Mac 2024
- Perolehan GPU berkuasa tinggi yang terkini, untuk menjadikan Malaysia tumpuan utama bagi sektor AI
- Pelancaran Portal ‘MyStartup’ sebagai tetingkap tunggal (single window)
- Pelan untuk melancarkan laluan Lorong Hijau untuk pekerja asing dengan bakat teknologi

ZON EKONOMI KHAS

Meluaskan pasaran dan potensi ekonomi

CABARAN

Malaysia mempunyai pasaran kecil yang menyumbang hanya **0.7% kepada KDNK** global dan hanya membentuk **0.4% penduduk dunia**. Oleh sebab itu, Malaysia memerlukan perdagangan dan kerjasama antarabangsa untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia memperluas pasaran dan mencapai potensinya

PENYELESAIAN

Jarak antara Johor dan Singapura yang berjiran mempunyai potensi yang besar untuk kedua ekonomi membina hubungan yang lebih rapat. Kerjasama yang lebih erat antara Johor dan Singapura boleh menawarkan peluang yang lebih luas untuk menaikkan aliran pelaburan, aktiviti perdagangan dan modal insan. Cadangan ini akan mengukuhkan hubungan dua-hala antara Malaysia dan Singapura, serta menggalakkan pertukaran idea merentas sempadan.

CIRI-CIRI UTAMA

KERJASAMA DUA HALA YANG MENDALAM

Hubungan dua hala yang lebih kukuh, bermula dengan Singapura, dalam dunia yang semakin berbelah-bahagi

MENGGEMBLENG KEKUATAN ANTARA NEGARA

Saling mengukuhkan daya saing kedua-dua negara daripada pelbagai aspek termasuk daya tarikan pelaburan dan modal insan

MEMBANGUN INDUSTRI BERSKALA GLOBAL

Menggabungkan industri-industri untuk mencapai skala yang menarik pelaburan dan mencipta pekerjaan bernilai tinggi

HUBUNGAN JOHOR - SINGAPURA

Singapura adalah

#2

rakan perdagangan terbesar Malaysia

Mencapai jumlah perdagangan

RM390B

daripada hubungan dua hala

Mencapai jumlah perdagangan

8.3%

pelaburan Malaysia dari Singapura

...pergerakan bakat, perdagangan & pelaburan lebih mudah dengan jiran terdekat

PENCAPAIAN

Pencapaian setakat ini

- Pasukan petugas khas diwujudkan untuk mengkaji Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura

Pelan tempoh 12 bulan akan datang

- MoU ditandatangani untuk Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura
- Perjanjian ditandatangani untuk Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura
- Memulakan pelaksanaan untuk Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura

INISIATIF DAN DASAR LAIN DALAM PELAKSANAAN



INISIATIF KEMUDAHAN RAKYAT

Inisiatif ini memperkenalkan proses permohonan untuk pembiayaan projek infrastruktur berskala kecil di bawah RM200,000. Pendemokrasian pembiayaan untuk memperbaiki infrastruktur kehidupan harian, membolehkan para penduduk setempat menangani isu-isu kawasan setempat yang terabai. Inisiatif ini juga bertujuan untuk memupuk kembali budaya kerjasama dan semangat gotong-royong penduduk setempat.



PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

PADU ialah pangkalan data bersepada yang menggabungkan pelbagai set data daripada sumber-sumber yang berbeza untuk meningkatkan kebolehcapaian dan integrasi data. Pangkalan data bersepada ini akan menjadi asas untuk menghasilkan pelbagai program bersasar seperti pemberian bantuan subsidi kepada golongan yang paling memerlukan, ke arah pembaharuan kebijakan sosial.



AKTA “ANTI RENT SEEKING” (ARA)

Akta ini bertujuan untuk membanteras tingkah laku Ali Baba (“rent-seeking”) dalam bidang-bidang seperti perolehan kerajaan yang merugikan kerajaan hampir RM18 bilion setahun. Ini akan memastikan keadilan, ketelusan, dan kecekapan dalam aktiviti ekonomi. Peningkatan budaya saingan yang sihat dan anti-rasuah di kalangan pengurus perniagaan dan usaha, akta ini akan membentuk ekonomi yang lebih adil, mampan dan sekaligus memperkuuhkan daya saing negara di pentas duina.

INISIATIF DAN DASAR LAIN DALAM PELAKSANAAN



INNOVATHON

INNOVATHON ialah satu rancangan realiti TV yang bertujuan untuk memberi satu platform kepada rakyat Malaysia untuk membawa ke hadapan idea-idea kreatif dan inovatif yang boleh menyelesaikan isu sosio-ekonomi. Bakat-bakat yang innovatif diperketengahkan untuk memupuk keyakinan diri usahawan generasi masa hadapan, dan sebagai sumber inspirasi untuk mereka menyumbang idea-idea baru yang boleh membantu masyarakat.



PROGRAM KEPIMPINAN DIGITAL EKSEKUTIF

EDL memberikan latihan kemahiran kepimpinan dan pengetahuan ekonomi digital kepada pemimpin sektor awam dan swasta untuk berkembang maju dalam ekonomi digital. Program inovatif Asia School of Business dan MIT, bersama firma teknologi global seperti Google, Microsoft, Amazon, dan Sea Ltd, adalah bertujuan untuk memangkin penggunaan digital di Malaysia. Penglibatan lebih 50 pemimpin dari sektor awam dan swasta dalam kumpulan pertama EDL bersama PADU dan GOVTECH akan mempercepatkan transformasi digital negara.



ACADEMY IN INDUSTRY (AII)

Academy in Industry (Aii) bermatlamatkan membentuk pekerja Malaysia yang mahir dan berdaya saing. Program ini memberi peluang kepada graduan SPM untuk memasuki pasaran pekerjaan sebagai pekerja mahir, lengkap dengan sijil kemahiran dalam masa 18 bulan. Projek rintis telah menarik minat 200 syarikat pengilang antarabangsa bagi membuka ruang kepada belia khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Kementerian
Ekonomi